



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/33/2011

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **080100 Bahan Minuman dan 080501 Makanan Bermasak Islam** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAFETARIA KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG,  
JALAN UTAMA, 10460 PULAU PINANG”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

**Tarikh** : **30 September 2011 (Jumaat)**  
**Masa** : **4.00 petang**  
**Tempat** : **Kafetaria Kompleks Masyarakat Penyayang,  
Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.**  
**Kehadiran** : **Pemilik Syarikat sahaja (Wakil tidak dibenarkan).**

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 07 Oktober 2011** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP/33/2011** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang

## **SPESIFIKASI**

1. Operasi Kafetaria hanya untuk pelanggan Kompleks Masyarakat Penyayang sahaja. Waktu operasi Kafetaria adalah seperti berikut:
  - a) Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi sehingga 5.00 petang)
  - b) Sabtu (8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari)
  - c) Ditutup pada Hari Ahad dan Hari Kelepasan Am.

(Kerajaan Negeri berhak meminda waktu operasi atau mengarahkan kontraktor membuka atau menutup Kafetaria pada bila-bila masa dengan notis bertulis dalam tempoh yang munasabah).

2. Penyewa Dewan Bosch, Bilik Mesyuarat, Bilik Seminar dan lain-lain kemudahan di Kompleks Masyarakat Penyayang dibenarkan membuat tempahan makanan kepada Katerer luar bagi membekalkan makanan tertakluk kepada Garis Panduan Tempahan Makanan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
3. Menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman untuk Anggota Perkhidmatan Awam, Agensi Swasta dan NGO khususnya yang terdapat di Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Utama, 10460 Pulau Pinang.
4. Menjaga keselamatan Kompleks Masyarakat Penyayang yang diletakkan berada dalam keadaan baik tanpa sebarang risiko kehilangan, kerosakan dan sebagainya.
5. Menjaga kebersihan persekitaran dan keseluruhan Kompleks Masyarakat Penyayang agar berada dalam keadaan bersih dan baik serta selamat.
6. Menyediakan makanan, minuman yang berkhasiat dan halal dengan kadar harga yang berpatutan.
7. Menyediakan pekerja tempatan warganegara Malaysia yang mencukupi untuk tujuan memberikan perkhidmatan yang berkaitan.
8. Semua pekerja hendaklah diakui sihat oleh Pihak Perubatan yang berkaitan dan mempunyai sijil atau kad kesihatan untuk mengesahkannya. Perakuan tersebut hendaklah sentiasa di simpan di Kafetaria Kompleks Masyarakat Penyayang.
9. Semua pekerja kafetaria perlu mematuhi garis panduan penyediaan dan pengurusan makanan dan minuman yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
10. Menggunakan bekas bungkusan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri sahaja bagi tujuan pembungkusan makanan dan minuman. **(Polysterin tidak dibenarkan sama sekali).**
11. Menggunakan troli dan lif yang dibenarkan sahaja untuk tujuan menghantar makanan dan minuman.

12. Bertanggungjawab memberikan perkhidmatan yang terbaik serta bertanggungjawab memastikan semua makanan dan minuman yang dijual berada dalam keadaan bersih dan berkhasiat.
13. Pihak Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kesalahan, kerosakan, kehilangan, kematian dan lain-lain lagi seperti keracunan makanan dan lain-lainnya. Pihak penyebut harga adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas masalah ini sekiranya berlaku.
14. Kontrak Perkhidmatan ini dibuat untuk tempoh **dari 01 November 2011 hingga 31 Oktober 2013 (Dua (2) tahun sahaja)**.
15. Penyebut Harga diwajibkan untuk menyediakan kerusi dan meja kepada pelanggan sekiranya kerusi dan meja yang disediakan tidak mencukupi. Perkakasan seperti pingan, mangkuk, gelas, cawan, sudu, garpu dan lain-lain perkakasan termasuk peralatan membungkus adalah menjadi kewajipan pihak penyebut harga.
16. Kontraktor yang berjaya perlu mempamerkan tanda harga pada setiap masa.
17. Pihak pemilik premis iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan berhak meminda, memantau dan mengubah syarat-syarat perjanjian, kadar harga dan lain-lain keperluan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.
18. Kontraktor Kafeteria bertanggungjawab menguruskan sendiri segala pembayaran kadar cukai, yuran, lesen, elektrik, air serta bayaran-bayaran lain yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang berkaitan.
19. Kontraktor yang berjaya **WAJIB** membayar wang deposit sebanyak **Empat (4) bulan sewa bulanan** secara keseluruhan.
20. Kontraktor yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Lampiran G dan H**.